



SELAMAT DI JALAN RAYA

A Nyatakan maksud pantun dengan betul.

1

Burung undan burung tempua,
Hinggap berehat di pohon kayu;
Peraturan jalan dipatuhi semua,
Kemalangan tidak akan berlaku.

Kita hendaklah _____

2

Mari dijamah si emping padi,
Dijamah dengan kelapa muda,
Pandang kanan dan juga kiri,
Sebelum melintas jalan raya.

Kita hendaklah _____

3

Pergi ke pasar beli rambutan,
Rambutan pulasan enak rasa,
Ayuh kita jaga keselamatan,
Nyawa kita amat berharga.

Kita mestilah menjaga keselamatan kerana _____

B Lengkapi cerita berdasarkan gambar. SP 3.3.1 (1)




ke kanan dan ke kiri

melintas jalan raya

berdiri di tepi jalan raya

berhati-hati

menunggu kendaraan berhenti



Azib dan Ramu (1) _____ untuk melintas
jalan. Mereka memandang (2) _____.
Kemudian, mereka (3) _____.
Akhirnya, mereka (4) _____.
Kita mestilah (5) _____ semasa
berada di jalan raya.




Nyanyikan lagu di bawah ini berdasarkan melodi lagu “Tepuk Amai-amai”. Kemudian, lengkapkan ayat-ayat di bawah ini.

KEMAHIRAN MEMBACA

Jalan adik jalan
Jalan hati-hati
Pandang kiri kanan
Lintas perlahan-lahan

Lintas perlahan-lahan
Tangan kakak dipegang
Jangan lepas tangan
Selamat ke seberang

Ooo, ooo, ooo
Jangan lepas tangan
Selamat ke seberang



1. Kita harus melintas jalan dengan _____.
2. Sebelum melintas jalan raya, kita hendaklah melihat _____.
3. Kita harus memegang tangan kakak dengan kemas semasa melintas jalan raya supaya _____.

D Tuliskan nombor gambar pada padanan ayat yang betul.

Jika tiada kenderaan, anda
bolehlah melintas jalan.

Pandang ke kiri

Pandang ke kanan

Pandang ke kanan semula

